



TEKS UCAPAN PERASMIAN

YABHG. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI DR. WAN ISMAIL

SEMPENA:

SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK KEBANGSAAN 2025

TARIKH/TEMPAT/MASA:

**23 NOVEMBER 2025 | STADIUM MERDEKA, KUALA LUMPUR |
2.30 PETANG**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Terima kasih pengacara majlis, Encik Richard Chai dari KPWKM dan adik Nur Karl Dini Arina binti Hermanto.

SALUTASI

1. Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;

2. Yang Berbahagia Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM);

3. Yang Berbahagia Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat (JKM);

4. Yang Mulia Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB);

5. Yang Berbahagia Dato' Abdul Rahman Ahmad, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB;

6. Adik Daniel Haqeen bin Darul Hafiz,
Pengerusi Majlis Perwakilan Kanak-Kanak;

Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kanan KPWK
dan JKM;

Rakan-rakan media;

Seterusnya, Tuan-tuan dan Puan-puan, hadirin-hadirat,
anak-anak yang dikasihi sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini sempena Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan Tahun 2025.

2. Saya rasa bertuah dan berbesar hati kerana dapat bersama-sama hampir 1,000 orang kanak-kanak dari seluruh negara untuk meraikan sambutan yang amat signifikan ini.

3. Tahniah dan terima kasih kepada KPWKM melalui JPKK dan JKM atas penganjuran program penuh manfaat ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) di bawah PNB atas kesediaan dan kesudian berkolaborasi. Kerjasama ini menggambarkan keprihatinan pelbagai pihak demi memberikan yang terbaik kepada kanak-kanak di Malaysia.

TEMA HARI KANAK-KANAK - “HARI INI, SUARAKU (MY DAY, MY RIGHT)”

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin-hadirat, anak-anak yang dikasihi sekalian,

4. Kita semua perlu bersetuju bahawa kanak-kanak adalah aset negara yang paling berharga dan generasi pewaris kepimpinan masa hadapan. Tema "Hari ini, Suaraku" melambangkan tekad kita untuk memastikan setiap kanak-kanak berpeluang menyuarakan pandangan, kepentingannya diambil kira dalam setiap keputusan, dan hak mereka dihormati.

5. Saya percaya semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam memastikan keselamatan, kesejahteraan, dan masa depan kanak-kanak terjamin melalui pelaksanaan dasar yang melindungi hak dan memperkukuh suara mereka. Kita perlu pastikan kanak-kanak dapat membesar dengan baik dan mampu memenuhi potensi diri mereka.

6. Alhamdulillah, kita ada Akta Kanak-Kanak 2001 dan Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC). Pemantauan dan penambahbaikan

yang berterusan mesti dibuat agar setiap inisiatif sentiasa relevan dan berkesan.

KOMITMEN KERAJAAN BAGI KESEJAHTERAAN KANAK-KANAK (BAJET 2026)

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin-hadirat, anak-anak yang dikasihi sekalian,

7. Kerajaan sentiasa komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan hak kanak-kanak sentiasa terpelihara, termasuk menerusi Belanjawan 2026. Antara inisiatif utama yang digerakkan adalah:

- i. Penubuhan Mahkamah Bergerak Khas Kanak-Kanak bagi mempercepatkan pengurusan kes dan melindungi identiti dan emosi kanak-kanak mangsa jenayah;
- ii. Memperkasakan Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) PDRM;

- iii. Peruntukan sebanyak RM9 juta untuk program pembangunan dan perkembangan kanak-kanak;
- iv. Pelaksanaan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) bagi menyediakan sokongan emosi dan kaunseling;
- v. Pelaksanaan Program Dokumen Pendaftaran Pelarian (DPP) dan menaik taraf 3 Baitul Mahabbah sebagai Pusat Pengasingan Khas Pelarian termasuk untuk kanak-kanak; dan
- vi. Pemberian geran kepada NGO yang menguruskan kanak-kanak, serta Bantuan Kebajikan di bawah JKM.

PESANAN DAN NASIHAT

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin-hadirat, kanak-kanak yang dikasihi sekalian,

8. Kita perlukan kerjasama semua pihak untuk memastikan setiap inisiatif benar-benar berkesan. Buatlah aduan segera melalui saluran yang sah

sekiranya terdapat sebarang kes penganiayaan kanak-kanak. Jangan tutup mata!

10. Dalam dunia yang berubah dengan pesatnya teknologi, internet, dan AI, saya amat berharap agar dalam kita melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran, aspek adab dan akhlak, serta hormat-menghormati juga difahami dan diamalkan.

11. Amalan tunduk apabila berjalan melintasi di hadapan orang lain perlu dikekalkan. Tingkatkan amalan gotong-royong dan carilah masa untuk bergaul dengan masyarakat. Gunakanlah bahasa yang baik ketika memberikan komen atau pendapat. Jangan jadikan konten negatif yang meruntuhkan akhlak sebagai kebiasaan. Tuntutlah ilmu sehingga ke peringkat tertinggi dan jangan sesekali terjebak dengan gejala buli!

12. Dapatkan contoh positif (Role Model) seperti Ali bin Abi Talib R.A., kanak-kanak pertama yang memeluk Islam atau kisah Nabi Daud sewaktu muda remaja yang berkemampuan mengalahkan Raja Jalut. Saya yakin anak-anak sekalian mampu mencapai kejayaan dengan tunjuk ajar yang betul.

13. Kita mahu anak-anak Malaysia membesar dengan seimbang dari sudut fizikal, rohani, dan spiritual, dengan berpegang teguh kepada nilai-nilai murni, akhlak mulia, jati diri, dan semangat cintakan negara yang tinggi, selaras dengan agenda Malaysia MADANI.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin-hadirat, anak-anak yang dikasihi sekalian,

14. Akhir sekali, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Induk, agensi kerajaan, swasta, NGO, dan semua pihak yang terlibat menjayakan majlis ini. Penghargaan khas kepada PNB, saya harapkan kerjasama ini akan berkekalan dan dapat ditingkatkan. Dikesempatan ini, sama-samalah kita doakan kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak di seluruh dunia khususnya Gaza, Sudan, Syria dan lain-lain agar dapat menjalani hidup yang lebih baik.

15. Tahniah dan syabas kepada Tokoh Kanak-Kanak yang akan menerima anugerah sebentar lagi. Kejayaan anda adalah contoh terbaik dan sumber inspirasi buat semua. Terima kasih juga kepada semua pihak yang

sentiasa melindungi dan menjaga kebajikan kanak-kanak.

*Pokok kelapa ditanam berjajar,
Nampak dari tepi pantai,
Barang siapa rajin belajar,
Tentu dia menjadi pandai.*

*Cantik sungguh bunga melati,
Kuntumnya kembang bertingkat-tingkat,
Wang dan ringgit boleh dicari,
Budi bahasa sukar mendapat.*

16. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan rasa penuh kesyukuran merasmikan Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan 2025.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.